

PERNIAGAAN DALAM TALIAN SEMAKIN RANCAK SEMASA PKP

Oleh: Nurashikin binti Slamet, 1171752,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 30 July 2020



Kebelakangan ini, aktiviti perniagaan dalam talian yang dijalankan oleh rakyat Malaysia mendapat sambutan yang menggalakkan.

Perniagaan dalam talian kini berkembang umpama cendawan yang tumbuh selepas hujan lebih-lebih lagi ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan untuk membendung penularan COVID-19.

Seperti yang dijelaskan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, kegiatan perniagaan dalam talian dilihat meningkat sebanyak 28.9 peratus pada April lalu, iaitu sebulan selepas PKP dilaksanakan.

Peningkatan aktiviti perniagaan dalam talian ini begitu ketara ekoran perniagaan yang dijalankan secara bersemuka terpaksa ditunda terlebih dahulu.

Rentetan itu, ramai rakyat Malaysia mengambil peluang keemasan ini dengan menceburi bidang keusahawanan dalam talian bagi memulihkan perniagaan mereka.

Walaupun timbul kekusaran tentang soal untung atau rugi, rata-ratanya amat berpuas hati apabila perniagaan dalam talian yang dijalankan membuahkan hasil.

Seiring dengan kepesatan teknologi yang kian canggih dan cekap ketika ini, para usahawan menjadikan jaringan media sosial seperti Facebook dan Instagram sebagai medium utama untuk melonjakkan jualan mereka.

Mereka memanfaatkan platform ini untuk mempromosikan barangan atau produk mereka dengan lebih pantas dan berkesan tanpa batasan ruang dan waktu.

Selain itu, para usahawan dalam talian yang berkemahiran dalam bidang multimedia dapat menggilap potensi dan bakat mereka dalam menyunting gambar dan video serta menghasilkan iklan yang menarik.

Hal ini menjadi penanda aras yang amat penting dalam memasarkan produk. Kemahiran ini bukan saja memudahkan mereka menarik minat pelanggan malah dapat mengembangkan perniagaan mereka di pasaran tempatan.

Tambahan pula, usahawan-usahawan yang bergiat aktif dalam talian digalakkan untuk meningkatkan kemahiran berniaga dengan menyertai kelas atau seminar dalam talian yang disediakan secara percuma atau berbayar.

Dengan ilmu baharu yang ditimba, mereka boleh mengatur strategi yang lebih berkesan untuk mencapai sasaran jualan yang ditetapkan.

Kewujudan perniagaan dalam talian ini turut memberi impak positif terhadap syarikat penghantaran yang terdapat di Malaysia seperti Pos Laju, J&T Ekpress dan City Link.

Menurut Pengurus Kanan Pick Up & Delivery Pos Malaysia, Mohd Azilan A Rahim, perkhidmatan Pos Laju mencatatkan peningkatan pesanan sebanyak 35 peratus sepanjang tempoh penguatkuasaan PKP.

Setiap hari, Pos Malaysia menerima sebanyak 770,000 bungkusan iaitu lebih dua kali ganda kapasiti biasa Pos Laju sebanyak 350,000 bungkusan.

Perkembangan ini menunjukkan perniagaan dalam talian kini menjadi pilihan utama dalam kalangan usahawan untuk merencanakan kembali operasi perniagaan mereka yang sebelum ini tergendala.

Usahawan yang terlibat dengan perniagaan dalam talian perlu sentiasa berfikiran positif, kreatif dan inovatif serta tidak mudah berputus asa dalam menghasilkan sesuatu yang menguntungkan.

Budaya kerja yang berdaya saing dan berdaya maju perlu diterapkan dalam kalangan usahawan tempatan agar persaingan secara sihat antara mereka mampu merencanakan semula ekonomi Malaysia.

